

PERKASA institusi sedia ada

Cadangan penubuhan Universiti Agro tak perlu kerana sudah banyak pusat pengajian pertanian

Oleh Mohamad Hussin
mohamad_hussin@
hmetro.com.my

Persatuan Alumni Universiti Putra Malaysia (PAUPM) membantah cadangan menubuhkan Universiti Agro Industri kerana institusi pendidikan tinggi (IPT) sedia ada sudah cukup menampung keperluan pendidikan tinggi dalam bidang pertanian.

ia disifatkan pembaziran kerana memerlukan kos tinggi bagi menampung pelbagai kos, malah tidak mampu menarik minat pelajar untuk mengikuti program ditawarkan.

Presidennya, Datuk Seri Syed Razlan Syed Putra Jamalullail berkata, kerajaan sepatutnya menggunakan dana itu meningkatkan pembangunan institusi pertanian sedia ada.

"UPM memberi penekanan semula kepada pertanian melalui slogan, 'Pertanian, Inovasi, Kehidupan'.

"Kini, UPM menduduki tempat terbaik di bidang pertanian di Asia Tenggara, ke-7 di Asia dan ke-54 terbaik dunia.

"Dari segi pengisian kurikulum pertanian, 70 peratus praktikal dan 30 peratus akademik.

"Kami menyangkal dakwaan Menteri Pertanian



"Kini, UPM menduduki tempat terbaik di bidang pertanian di Asia Tenggara, ke-7 di Asia dan ke-54 terbaik dunia."
Syed Razlan

dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob bahawa UPM hanya mengajar teori adalah kurang tepat," katanya pada sidang media di pejabat PAUPM, Serdang, baru-baru ini.

Pihaknya percaya cadangan itu tidak melalui kajian, risiko, dasar, kewangan dan penilaian yang mendalam serta merujuk badan-badan yang berkaitan terutamanya Kementerian Pendidikan yang menjadi tunjang penentu hala tuju aspek pendidikan di negara ini.

"Cadangan itu tergesa-gesa dengan matlamat sangat kabur.

"Selain UPM, terdapat

beberapa universiti lain turut mendukung bidang pertanian seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Kolej Pertanian Bukit Tinggi, Institut Pertanian Serdang, Selangor; Institut Pertanian Bumbong Lima, Pulau Pinang.

"Institut Pertanian Kuala Lipis, Pahang; Institut Pertanian Titi Gantung, Perak; Institut Pertanian Ayer Hitam, Johor; Institut Pertanian Semanggok, Sarawak; Institut Pertanian Timbang Menggaris, Sabah termasuk Kolej Risdan dan Kolej Felcra," katanya.

Beliau berkata, penubuhan universiti baru itu bukan membabitkan kos pembinaan dan infrastruktur saja, malah termasuk kos sumber manusia, pengajar, kakitangan, logistik, pakar, penyelidikan, sosio-ekonomi dan bidang penyelenggaraan khususnya untuk jangka masa panjang.



SYED Razlan menunjukkan kenyataan media PAUPM.



SYED Razlan bersama barisan exco PAUPM.

Cadangan berkenaan diuarakan Ismail Sabri yang mahu menempatkan 100 penuntut bagi menjalani pengajian peringkat diploma di Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) pada Ogos atau September tahun ini.

Pelajar berkenaan kemudiannya akan dipindahkan ke kampus tetap yang tapaknya kini dikenal pasti oleh Pejabat Daerah dan Tanah Bera, Pahang.

IPTS bertaraf universiti itu ditubuhkan di bawah Pertubuhan Peladang Ke-

bangsaan dan MARDI dengan kerjasama Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Universiti Kuala Lumpur, ia menawarkan pengajian dalam jurusan pertanian yang lebih bersifat teknikal dan menjurus kepada kehendak industri.

alumniupm@gmail.com
03 - 8948 7242 | 7243 | 7244
03 - 8948 7241

pa.blogspot.com
amnuipm.blogspot.com



SYED Razlan mengadakan sidang media di pejabat PAUPM.